

17/04/1997

MoU tapis Internet sukar diamal

Akmal Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Cadangan mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara asing bagi menapis maklumat tidak bertanggungjawab termasuk bahan lucah menerusi Internet mungkin menghadapi masalah berikutan perbezaan nilai antara negara.

Naib Presiden Mimos Berhad, Dr Mohamed Awanglah, berkata cadangan itu boleh dilaksanakan tetapi negara terbabit harus mempunyai prinsip yang sama dengan Malaysia bagi mengawal kemasukan maklumat tidak bertanggungjawab termasuk bahan lucah.

Negara berkenaan juga harus mempunyai peruntukan undang-undang siber yang boleh mengawal penerbitan lucah menerusi Internet bagi mengelak ia menjadi tidak terkawal apabila masuk ke negara ini.

"Bagaimanapun, banyak negara mungkin tidak akan bersetuju mengadakan MoU kerana bahan lucah adalah perkara biasa seperti di Eropah. Malah, mereka anggap seks itu seni," katanya.

Dr Mohamed mengulas cadangan kerajaan untuk mengadakan MoU dengan negara asing bagi menapis maklumat melalui Internet selepas MSC beroperasi sepenuhnya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah MoU itu adalah sebahagian strategi meminimumkan kemasukan maklumat tidak bertanggungjawab termasuk bahan lucah.

Menurutnya, usaha itu hanyalah satu ikhtiar tetapi ia tidak semestinya akan berhasil 100 peratus.

Dr Mohamed berkata, adalah sukar mencari jalan terbaik untuk menapis maklumat melalui Internet terutama mengenai bahan lucah.

"Saya tidak nampak cara lain untuk atasi perkara ini dan bersetuju bahawa kekuatan dalaman semua orang penting sebagai benteng kukuh menolak maklumat tidak baik," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, Malaysia perlu lebih banyak mengadakan MoU dengan negara asing bagi mengelak pencerobohan data menerusi Internet sebelum pelaksanaan sepenuhnya Koridor Raya Multimedia (MSC) di negara ini.

"Perundangan untuk tujuan keselamatan data harus diadakan di negara yang menandatangani MoU terutama berkaitan bahan yang dimasukkan ke dalam Internet. "Langkah kerajaan mengadakan MoU dengan negara asing bagi menapis maklumat melalui Internet juga memerlukan komitmen dan kerjasama penuh daripada semua negara terbabit," katanya.

(END)